

SURAT KEPADA PENGARANG UTUSAN MALAYSIA

Chedet.cc

4 Januari 2018

Tun Dr Mahathir Mohamad

****SURAT INI TELAH DIHANTAR KEPADA PENGARANG UTUSAN MALAYSIA PADA 3hb JANUARI, 2018****

Pengarang,
Utusan Malaysia

Utusan Malaysia tahu saya tidak kata mufti kafir. Tetapi sebagai media milik parti Kerajaan, Utusan perlu salah tafsir untuk menyelamatkan diri.

Apa yang saya kata ialah jika mufti tidak menolak dakwaan PAS dan amanat Haji Hadi bahawa orang Islam yang bekerjasama dengan orang kafir menjadi kafir, maka mufti juga akan jadi kafir kerana mereka tidak menyatakan penolakan mereka.

Mufti bukan sebarang orang. Mufti bertanggungjawab menasihati raja dan rakyat berkenaan agama Islam. Menjadi tanggungjawab mufti memberi pendapat samada dakwaan PAS dan Haji Hadi benar atau tidak. Amanat Haji Hadi dibuat kerana politik tetapi amanatnya memesongkan agama orang Islam.

Oleh kerana mufti tidak memberi pendapat tentang pengkafiran ini, walaupun sanggup menafikan ajaran sesat Arqam Ashaari, Ayah Pin dan beberapa tokoh lain, maka ramailah orang Islam percaya dan taksud dengan dakwaan Haji Hadi dan PAS sehingga ada yang mendakwa ibu bapa mereka kafir, ada yang berkahwin sekali lagi, yang tolak makan sembelihan orang UMNO sebagai haram, sembahyang berasingan imam, berdiri masjid sendiri dan bermacam lagi kerana kononnya Kerajaan Malaysia kafir dan orang yang tidak menyertai PAS kafir. Semua ini dilaporkan oleh Utusan dahulu.

Sehingga ke hari ini mufti tidak menolak dakwaan PAS dan Haji Hadi. Di Terengganu masih ada orang Islam yang percaya bahawa orang UMNO dan orang lain yang tidak menyertai PAS adalah kafir.

Mufti tidak harus terlibat dengan politik. Tetapi apabila agama diperalatkan untuk politik dengan mengelirukan orang Islam, amatlah penting dan menjadi tanggungjawab mufti memberi penjelasan samada pendapat orang politik itu benar-benar berasas kepada Islam. Sehingga sekarang belum ada pendapat atau penjelasan yang dibuat oleh mufti.

Hakikatnya ialah jika orang bukan PAS termasuk saya dianggap kafir, maka mufti juga boleh dikatakan kafir kerana tidak menyertai PAS. Jika amanat Haji Hadi diterima mufti bekerja dan menjadi pegawai dalam Kerajaan Kafir. Benarkah?

Saudara Pengarang,

Saya harap saudara akan masuk surat ini dalam akhbar saudara seperti saudara masuk laporan-laporan berkaitan isu ini sejak 30 Disember 2017.

Dr Mahathir bin Mohamad

8 thoughts on “SURAT KEPADA PENGARANG UTUSAN MALAYSIA”

1.



2. [Log in to Reply](#) **huda** Jan 5, 2018 10:48 AM

Assalamualaikum

Paku dulang paku serpih

Mengata orang dia yang lebih

Pembangkang dengan kerajaan 2×5 je.

Ambil sekerat-sekerat. Kemudian pusing sampai isu itu nampak berat.

Tun kata:

Mufti kafir sebab tidak menolak amanat Haji Hadi

Haji Hadi:

Kerajaan Kafir sebab tidak mengamalkan undang-undang islam.

Tun = Haji Hadi

3.



4. [Log in to Reply](#) **huda** Jan 5, 2018 10:47 AM

Assalamualaikum

Paku dulang paku serpih

Mengata orang dia yang lebih

Pembangkang dengan kerajaan 2×5 je.

Ambil sekerat-sekerat. Kemudian pusing sampai isu itu nampak berat.

Tun kata:

Mufti kafir sebab tidak menolak amanat Haji Hadi

Haji Haji:

Kerajaan Kafir sebab tidak mengamalkan undang-undang islam.

Tun = Haji Haji

5.



6. [Log in to Reply](#) **Anak.muda** Jan 5, 2018 10:03 AM

Assalamualaikum tun.

1. meminta maaf pada ambang tahun baru dan di mesyuarat agong parti bersatu adalah merupakan satu masa dan tempat yang sgt tepat sekali.

2. tidak menyatakan secara tepat apa yang diminta maaf itu juga adalah satu pilihan yang tepat untuk mengelakkan dijadikan modal oleh najib razak.

3. sebenarnya kalau tun menyatakan apa yang diminta maaf juga tidak akan memuaskan hati semua orang juga. kerana ramai yang ingin mendengar permohonan maaf tun pada DSAI. dan tun tidak bersalah pun dalam hal tu kenapa perlu minta maaf.

4. Tun sangat hebat. saya dengar2 parti DAP, amanah dan sudah pasti bersatu bersetuju melantik tun sebagai perdana menteri dan bukan interim. kecuali parti pkr dan dengar2 anwar tidak bersetuju tun jadi pm.

5. mungkin kerana tun memang tidak ingin die menjadi perdana menteri, jadi dia pun melakukan perkara sama.

6. manusia memang sukar untuk berubah. tetapi biasanya manusia akan berubah apabila ditimpa musibah.

7. anwar yang hanya beberapa langkah sahaja untuk jadi perdana menteri, dipecat dan dihumban dalam penjara beberapa kali. harapnya dia akan berubah dengan ikhlas. lebih dari musibah yang telah menimpa dirinya.

8. tapi untuk pastikan betul2 berubah, anwar wajib meminta maaf secara terbuka kepada tun. mcm tun kata dulu, agak sukar untuk memaafkan anwar kerana dia telah menjadikan tun dajjal dimata dunia.

7.



8. [Log in to Reply musato](#) Jan 5, 2018 8:07 AM

Assalamualaikum Tun.

Tun, siarkan Majlis Fatwa Kebangsaan 21 November 1984 kalau tak silap tarikh.

Terima kasih Tun.

9.



10. [Log in to Reply rimba.emas](#) Jan 5, 2018 12:01 AM

Salam Tun.

1. Betul semua yang tidak menyokong Pas dan bekerjasama dengan orang kafir jika ikut kata Yb Tn Hj Hadi dalam amanatnya menjadi kafir.

2. Maksudnya bukan sahaja Tun serta Tn. Mufti termasuklah diri Rimba Emas ini dan sesiapa yang tidak menyokong atau mengikut kata-katanya padanya sudah di cap orang kafir.

3. Kalau di ikut balik adakah kita ambil kisah dakwaannya. Siapa dia untuk menilai kerja tuhan ini.

4. Ini adalah propaganda pihak media kerajaan atau penyokongnya dalam agenda tersembunyi mereka atas sebab-sebab yang perlu di selidiki.

5. Tengoklah kata-katanya tidak serupa bikin malah kembali kepada Parti yang pernah di kafirkan dahulu.

6. Semuanya kerana fitnah mulut yang mana bila tiba hari pengadilan akhirat nanti akan terkunci rapat.

7. Lagi pula sesuatu fatwa yang tiada tindakan tegas untuk di ambil pasti bak angin berlalu sahaja.

8. Kalau tidak silap ada rakan 'chedet' iaitu saudara Musato pernah mendakwa fatwa atas amanat Hj Hadi ini ada di wartakan pada 1 November 1984 hanya sebagai suatu yang lari dari agama Islam.

9. Sesuatu fatwa tanpa tindakan susulan seperti mengharamkan atau menghalang serta menghukum pasti bebas untuk di ikuti rakyat yang menjual agama.

10. Tun , biarlah surat ini tidak ditulis oleh mereka yang suka menterbalikkan berita umpama tulisan di sijjin.

11. Lebih baik bergembira bila SURAT KEBENARAN kita tertulis di iiliyyin.

Wallahua'lam.

11.



12. [Log in to Reply](#) **superSepantun** Jan 4, 2018 10:18 PM

Partly Amanat Shitan

Shit itu taik, taik itu Najis

12 berdetik, renjis merenjis...!

Party meriah ditahun baru,

Didalam kolah, airnya haru!

Termengah mengah dah jadi hantu..

Mopti tak sergah! Kenapa tak tahu??

*

Parti politaik jual agama,

Harus dijual di sani sana!

Apa dipetik? Siapa bersama?

Ada yg kenal? Apa kena mengena???

13.



14. [Log in to Reply](#) **milshah** Jan 4, 2018 9:44 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya difahamkan hari ni (Khamis) sepatutnya ada Mesyuarat Tertinggi Pakatan Harapan. Saya juga difahamkan sepatutnya diumumkan calon Perdana Menteri selepas mesyuarat

tersebut. Disebabkan tiada pengumuman lagi hari ini, saya andaikan ada pihak tidak bersetuju Tun menjadi calon PM Pakatan Harapan.

Dari apa yang saya baca, antara calon PM dan timbalan PM yang dicadangkan adalah Dato' Seri Azmin dan Dato' Seri Mukriz. Izinkan saya memberi pendapat.

Pertama sekali, untuk sesiapa pun menjadi PM, langkah pertama adalah Pakatan Harapan kena menang PRU 14. Saya ulangi sebab ianya kriteria paling penting, kena menang PRU 14. Apakah cara untuk memenangi PRU 14? Kena dapat sokongan melayu terutama luar bandar yang selama ini menyokong UMNO.

Jadi, antara calon-calon PM siapakah yang boleh memenangi pengundi Melayu luar bandar? Jika Azmin Ali lah orangnya, sepatutnya PRU 13 telah menunjukkan hasil di mana pengundi melayu luar bandar beralih arah ke Pakatan Rakyat disebabkan daya tarikan Azmin Ali. Adakah ini berlaku pada PRU 13? Tidak. Jika ini tidak berlaku pada PRU 13, atas sebab apakah tiba-tiba pengundi Melayu luar bandar ini tiba-tiba beralih arah ke Harapan semata-mata Azmin Ali menjadi calon PM? Besar kemungkinan, apa yang pengundi luar bandar yang mengundi BN pada PRU 13, akan kekal undi BN, sebab mereka tidak dapat melihat Harapan menjaga kepentingan mereka hanya kerana Azmin Ali menjadi calon PM.

Benar, tidak dapat dinafikan, Azmin Ali selaku MB Selangor ada kebolehan kepimpinan. Beliau dari kalangan orang muda. Beliau mendapat sokongan professional dan bijak pandai. Tetapi kita sudah tahu, penentu siapa menang PRU 14, bukanlah orang muda, professional atau bijak pandai tetapi dari kalangan orang Melayu luar bandar.

Besar kemungkinan, golongan muda, professional dan bijak pandai akan tetap pilih Pakatan Harapan sama ada Azmin Ali menjadi calon PM atau tidak.

Yang menjadi medan pertempuran PRU 14, adalah pengundi Melayu luar bandar.

Dari situlah, Tunlah calon paling layak untuk menjadi calon PM, sebab pengundi luar bandar Melayu masih ingat jasa-jasa Tun membela nasib mereka semasa Tun menjadi PM.


Kalau Azmin Ali, Rafizi, atau sesiapa golongan pemimpin muda boleh memenangi pengundi Melayu luar bandar, silakan jadi calon PM. Tetapi hakikatnya kita semua tahu amat sukar pengundi Melayu luar bandar tukar dari BN ke Harapan, jika mereka tidak yakin calon tersebut dapat membela nasib mereka.

Tak guna menjadi jaguh reformasi dan muda, jika tidak dapat memenangi pengundi Melayu luar bandar, yang akan menyebabkan Pakatan Harapan kalah pada PRU 14.

Jika Pakatan Harapan kalah PRU 14, tidak juga dapat jadi PM walau sehebat manapun orang tersebut.

Sekadar pandangan peribadi.

15.



16. [Log in to Reply Sri Sense](#) Jan 4, 2018 7:46 PM

Salam Tun

Reporter dan editor Utusan detected Tun kata mufti kafir, so itu jadi headline. Then again Utusan kan famous akhbar milik UMNO, dan sering juga I terbaca kena saman sana sini.

Ada jer yang nak menyaman

Utusan market mereka lebih pada luar bandar, bandar2 kecil, orang bandaraya kurang minat dengan akhbar ini. Zaman dulu kalau I beli Utusan hari Ahad sahaja sebab ada pancaindera. Lepak lepak hari minggu seronok juga baca gossip artis2 rantau ini, boleh

gelak gelak dengan family

In other words I tidak menganggap Utusan ini sebuah akhbar yang serious- worth reading. Hanya akhbar yang you baca bila dah takda benda lain untuk dibaca. Nak serious I baca Theedge or Star business section.

Utusan sekarang harga saham 39 sen. Walaupun di war war kan dapat untung over 30M.

Bukan lah ramai peminat Utusan ini kat stock market pun

Take care Tun.

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2743>